

D050

R 8964 DEB

MAHATHIR - PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 27 SEPT. (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN SUASANA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG SEDANG BERJALAN DI KOMPLEKS UMNO SETAKAT INI TIDAK SEHANGAT SEPerti TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA KERANA PARA PERWAKILAN KEBANYAKANNYA SEPENDAPAT DENGAN KERAJAAN DALAM PELBAGAI PERKARA.

KERANA PERSAMAAN PENDAPAT INI, PARA PERWAKILAN SEOLAH-OLAH KEKURANGAN BAHAN UNTUK DIKRITIK DAN DIPERSOALKAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA KEADAAN ITU MUNGKIN JUGA DISEBABKAN PERHIMPUNAN KALI INI TIDAK MENGADAKAN PEMILIHAN PEMIMPIN.

SECARA BERJENAKA, PERDANA MENTERI BERKATA KEPADA PARA PEMBERITA, MUNGKIN JUGA SUASANA ITU TIDAK HANGAT KERANA PARA PERWAKILAN MASIH BELUM DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN BANGUNAN BARU YANG DITAMBAHKAN PULA +HAWA DINGIN MENYEJUKKAN KEADAAN+.

MENGENAI UCAPAN DASAR BELIAU YANG DISIFATKAN OLEH SEMUA PERWAKILAN SEBAGAI TEGAS DAN TERBUKA, DR. MAHATHIR BERKATA +APA YANG PERLU DIDEDAHKAN SECARA TERBUKA PERLULAH SAYA BERTERUS TERANG+. -- BERNAMA

2200MST 27 09 85